

BAB 1

Perbankan Islam

di Malaysia

BAB 1

PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

1.1 Pengenalan

Perbankan Islam muncul sebagai satu pasaran baru dalam persada kewangan antarabangsa sejak tahun 1970-an, sungguhpun falsafah dan prinsipnya telah terkandung dalam al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w sejak 14 abad yang lalu. Kemunculan perbankan Islam umumnya dikaitkan dengan kebangkitan Islam dan peningkatan kesedaran umat Islam yang ingin menghayati Islam dalam kehidupan mereka termasuk dalam bidang perbankan dan kewangan. Kejayaan penubuhan bank Islam pertama iaitu Dubai Islamic Bank dan penubuhan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975 telah merintis jalan bagi perkembangan institusi-institusi kewangan Islam di seluruh dunia. Kini terdapat sebanyak 177 buah institusi kewangan Islam di seluruh dunia yang menguruskan aset yang dianggarkan berjumlah AS\$90 bilion.⁶ Tiga buah negara iaitu Iran, Sudan dan Pakistan telah menukar sistem perbankan mereka kepada sistem perbankan Islam sepenuhnya.⁷

Di Malaysia, perundangan perbankan yang berasingan, iaitu Akta Bank Islam 1983 (ABI) (Akta no.276, 1983) telah digubal bagi perbankan Islam beroperasi

⁶Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia (1999). Kuala Lumpur: BNM, h.273.

⁷BNM (1999), *ibid.*

seiring dengan konvensional. Di samping itu, Akta Pelaburan Kerajaan 1983⁸ juga digubal pada masa yang sama untuk Kerajaan menerbitkan Sijil Pelaburan Kerajaan (SPK) berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Penerbitan SPK membolehkan Bank Islam memenuhi keperluan mudah tunai dan melabur lebihan dana jangka pendeknya.

Di dalam bab ini penulis lebih menumpukan kepada konsep perbankan dari perspektif Islam serta peranan dan fungsinya di dalam mencapai matlamat kebajikan sosial dan moral dalam masyarakat di samping untuk mendapatkan keuntungan dalam perniagaannya. Bagi melihat dengan jelas detik-detik sejarah dan perkembangan perbankan Islam di Malaysia, penulis cuba menghuraikannya di dalam beberapa peringkat sehingga lah kepada perkembangan mutakhir apa yang berlaku di akhir-akhir ini.

1.1 Perbankan Islam

1.2.1 Definisi Perbankan Islam

Perbankan adalah merupakan kata terbitan daripada perkataan 'bank'⁹. Oleh itu,

⁸ Akta Pelaburan Kerajaan yang memberi kuasa kepada Kerajaan mengeluarkan Sijil Pelaburan Kerajaan ini diluluskan bersama-sama dengan Akta Perbankan Islam 1983 yang berkuatkuasa pada 7 April 1983. Sila lihat BNM (1994), *op.cit.*, h.327.

⁹'Bank' adalah merupakan perkataan yang berasal dari Itali iaitu '*banco*' yang bererti kepingan papan tempat meletak buku atau sejenis meja iaitu '*bench*'. Kemudian penggunaannya telah diperluaskan kepada meja (counter) tempat penukar wang yang digunakan oleh pemberi pinjaman (J A. Simpson dan E.S.C. Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*, Clarendon Press Oxford, Vol 1, h.930) dan penukar wang di Eropah pada abad pertengahan untuk mempamerkan wang mereka. Dari sinilah bermulanya perkataan bank. Lihat *The New Encyclopedia Britannica* (1985), Vol 1, Chicago, h.872. Penukar wang semasa urusan bank zaman purba memainkan peranan penting sebagai pengawal bank (*banco* atau *hench*). Pengusaha bank pada abad pertengahan akan

perbankan menurut *Kamus Dewan* ialah aktiviti yang berkaitan dengan bank atau urusniaga bank.¹⁰ *Qāmūs al-Munjид* mentakrifkan bank sebagai tempat meletakkan harta bagi tujuan pekerjaan tertentu di bawah penyelenggaraan yang khusus.¹¹ Menurut *Kamus Perbankan*, bank adalah merupakan institusi kewangan yang menjalankan aktiviti perbankan seperti menerima deposit daripada orang ramai dan memberi pinjaman kepada pelanggan.¹² *Kamus Ekonomi* pula memberi takrif institusi kewangan yang menjalankan urusniaga seperti menerima simpanan, memberi pinjaman dan menjalankan dasar kewangan kerajaan.¹³

Manakala bank Islam atau perbankan Islam (*Islamic Banking*) pula ialah institusi yang diwujudkan khusus untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank kepada umat Islam dengan cara yang berlandaskan hukum-hukum syarak.¹⁴

Sementara Sistem Perbankan Islam (SPI) pula bermaksud satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanan dan amalannya berlandaskan kepada Syariah untuk merealisasikan keadilan pengagihan kekayaan

dimusnahkan oleh orang ramai jika dia gagal dalam urusannya dan dari sinilah timbulnya perkataan bankrup. Lihat *Thomson's Dictionary of Banking*, h.53). Lihat juga Sāmī Hassan Hammūd (1982), *Tawīr al-Ā'māl al-Maṣrafiyyah Bimā Yattaftiq Ma'a Āḥkām al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah* Amman: Maṭba' al-Syarq, h.32.

¹⁰ Perkataan bank bermaksud; 1 Institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan seperti jagaan wang, pertukaran matawang, pemberian pinjaman dan terimaan bil tukaran; 2. Bekalan simpanan atau rizab untuk kegunaan pada masa depan atau apabila diperlukan. Lihat *Kamus Dewan* (2000), Edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.103.

¹¹ *Qāmūs al-Munjid fī al-Lughah wa al-'lām* (1994). Beirut: Dār al-Masyriq Sarl Publishers, h.50.

¹² *Kamus Perbankan* (1998) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.11.

¹³ *Kamus Ekonomi* (1993) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka , h.11.

¹⁴ Rosli Mahmood (1997), *Konsep Asas Perbankan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.15; *Kamus Perbankan* (1998), *op.cit.*, h.12

dan pendapatan.¹⁵ Selain itu ia juga dikatakan sebagai setiap pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan amalan kewangan yang berdasarkan kepada syariah Islam dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh.¹⁶ Bank Negara Malaysia pula mendefinisikan SPI sebagai suatu rangka kerja institusi yang direka bentuk untuk mengaplikasikan konsep perbankan tanpa faidah seperti yang terkandung dalam agama Islam.¹⁷

al-Najjār pula memberikan takrifan umum bagi perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang mengumpul dana dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syariah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana itu mengikut landasan Islam.¹⁸

Walaupun perbankan Islam telah diberikan beberapa bentuk definisi namun pada umumnya mengikut definisi yang diberikan oleh Persatuan Bank-Bank Islam Antarabangsa (*International Association of Islamic Banks*) atau singkatannya IAIB ialah perbankan yang ditubuhkan untuk menggerakkan dana-dana dan menggunakan selaras dengan syariah Islam bagi tujuan mengembangkan

¹⁵Lihat *Majallah al-Bunūk al-Islāmiyyah* (1399H), Dhū al-Qā'idah, Bil. 7. Kaherah: al-Ittihad al-Dawli li al-Bunūk al-Islāmiyyah, h.22; Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h.2, Abdul Halim Ismail (1990). "Bank Islam Sebagai Satu Institusi Pembangunan Masyarakat Islam" dalam Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h.69.

¹⁶al-Ṭayyār, 'Abd Allāh b. Muhammad b. Ahmad (1414H), *al-Bunūk al-Islāmiyyah Bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq*. Riyadh: Dār al-Watān, h.88.

¹⁷Cheah Kooi Guan & Loke Ying Jia (2000), *Sistem Perbankan dan Kewangan Malaysia*. Selangor: Addison Wesley Longman Sdn. Bhd., h.135.

¹⁸Sila lihat *Majallih al-Bunūk al-Islāmiyyah* (1399), *op.cit.*

ikatan kesatuan Islam dan mempastikan keadilan pengagihan di samping menggunakan dana-dana tersebut selaras dengan prinsip-prinsip Islam.¹⁹

Berdasarkan kepada beberapa definisi di atas maka dapatlah kita fahami bahawa perbankan Islam ialah suatu institusi tersusun dan teratur yang melaksanakan urusan perbankan dan kewangan dengan berlandaskan kepada al-Quran dan juga al-Sunnah.

1.2.2 Perbezaan Antara Perbankan Islam Dengan Perbankan Konvensional

Antara perbankan Islam dan perbankan konvensional wujud perbezaan yang jelas yang bertitik tolak dari dasar atau sumber yang di ambil. Perbezaan antara perbankan Islam dengan perbankan konvensional adalah sebagaimana di dalam Jadual 1.1 di bawah :

Jadual 1.1²⁰ : Perbezaan Antara Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional

Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
<ul style="list-style-type: none">Keseluruhan operasi berasaskan prinsip ALLAH untuk mendapatkan keredhaan Allah.	<ul style="list-style-type: none">Operasi berasaskan sistem ekonomi bebas untuk memperolehi keuntungan maksimum.

¹⁹ M. Abdeen, Adnan dan Dale N. Shook (1984), *The Saudi Financial System*. New York John Wiley & Sons Ltd, h.170.

²⁰ Dinsman (1994), "Perbankan Islam Bukan Sekadar Tanpa Riba", *Dewan Masyarakat*, Januari 1994, h.10.

<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti perniagaan berdasarkan prinsip perniagaan dan pembiayaan Islam yang tidak mengenakan faedah atau bunga. • Sumber pendapatan operasi berdasarkan keuntungan perniagaan. • Pelanggan yang mendapat kemudahan pembiayaan dikenakan bayaran perkhidmatan dan perkongsian untung. • Jumlah bayaran balik tidak berubah sebagaimana yang telah di persetujui. 	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti utama perniagaan berdasarkan penerimaan deposit dan pemberian pinjaman yang mengenakan kadar faedah atau bunga. • Sumber pendapatan utama berdasarkan faedah atau bunga yang dikenakan ke atas pinjaman. • Pelanggan yang mendapat kemudahan pinjaman dikenakan kadar faedah atau bunga. • Jumlah bayaran balik pinjaman berubah mengikut perubahan kadar faedah.
---	---

Sumber : Dinsman(1994), Perbankan Islam Bukan Sekadar Tanpa Riba, *Dewan Masyarakat*, Januari 1994, h.10.

Di dalam kedua-dua sistem ini, pinjaman dan kadar faedah adalah suatu fenomena yang jelas dalam perniagaan konvensional.²¹ Amalan meminjam wang secara bayaran faedah yang ditetapkan adalah cara paling mudah dan menguntungkan kerana peminjam terpaksa membayar semula pinjaman pokok beserta bayaran tambahan sebagai faedah. Segala keuntungan yang didapati dari aktiviti perniagaan adalah milik mereka sepenuhnya dan tidak akan dikongsi dengan pihak bank. Namun, sekiranya perniagaan mereka tidak mendatangkan keuntungan malah kerugian, mereka dituntut untuk membayar semua pinjaman pokok dan bayaran faedah. Kadar faedah yang dikenakan pula adalah berubah-ubah berdasarkan kos dana yang berubah-ubah mengikut perkembangan ekonomi semasa. Kenaikan kadar faedah boleh menyebabkan banyak syarikat mengalami

kerugian dan sehubungan dengan itu, pengangguran akan berlaku dan ini akan menimbulkan banyak masalah sosioekonomi dalam masyarakat. Ini adalah kesan yang pasti berlaku apabila sistem kewangan yang berdasarkan faedah menjadi teras kepada mana-mana sistem kewangan.

Kesimpulannya, sistem kewangan Islam adalah berdasarkan kepada falsafah Islam yang memberi keutamaan kepada akidah, tauhid dan akhlak. Adalah tidak wajar sekiranya sistem kewangan Islam ditentukan secara mekanistik dan rutin hanya untuk mengelakkan riba. Nilai dan etika Islam mesti menjadi unsur penting dalam sebarang sistem kewangan Islam yang dilaksanakan.²²

Perbezaan asas antara sistem kewangan Islam dan sistem kewangan konvensional bukanlah semata-mata atas ketidakwujudan elemen kadar faedah atau riba dalam sistem perbankan Islam. Sesebuah bank Islam tidak boleh dianggap Islamik jika unsur eksploitasi masih wujud. Hakikatnya, konsep penghapusan riba hendaklah dikaji mengikut nilai-nilai Islam seperti keadilan sosial, konsep *al-'adl wa al-ihsān* dan integrasi antara nilai-nilai dengan sistem kewangan.

1.2.3 Asas-asas Prinsip Perbankan Islam

Setiap sistem yang wujud pastinya berjalan mengikut prinsip dan falsafahnya yang tertentu. Begitu juga dengan perbankan Islam yang mana berdiri di atas prinsip

²¹ Mohd Daud Bakar (1998), "Muamalah Islam dan Konvensional : Satu Huraihan", *Dewan Ekonomi*, Disember, h.50

²² Nor Mohamed Yakcop (1996), op.cit., h.7

dan falsafah yang jelas dan terang disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Para sarjana Islam seperti Dr. Ahmad al-Najjār, Dr. Sayyed al-Hawāry, Dr. Muhammād Nejātullāh Siddīqī, Dr. Sobri Salamon dan Dr. Syed Othman al-Habshī membincangkan lapan prinsip-prinsip asas falsafah ekonomi perbankan Islam yang berasaskan tauhid sebagaimana berikut :²³

- (a) Konsep pemilik sebenar;
- (b) Konsep hubungan manusia dengan pemilik sebenar (khalifah);
- (c) Konsep keadilan (*al-'Adālah*);
- (d) Integrasi antara nilai-nilai akhlak dengan kegiatan ekonomi;
- (e) Sikap positif terhadap kegiatan dan pembangunan ekonomi;
- (f) Agihan semula kekayaan berorientasikan sosial;
- (g) Penghapusan institusi riba; dan
- (h) Perkongsian untung dan rugi.

Menurut ahli-ahli ekonomi dan perbankan Islam, dua prinsip falsafah yang awal (a dan b) adalah merupakan kunci ke arah falsafah ekonomi Islam. Sementara enam prinsip falsafah yang seterusnya adalah merupakan prinsip-prinsip asas falsafah ekonomi Islam.

²³ Ahmad Sobri Jaafar, *et.al.* (1992), "Ekonomi Islam : Asas, Falsafah dan Aplikasi." (Prosiding Kursus Sekolah Ekonomi dan Pentadbiran Awam UUM). Lihat juga Joni Tamkin bin Borhan (2000), "The Tawhidic Paradigm in Islamic Banking", *Jurnal Usuluddin*, Bil.11, Julai 2000, h. 45-58.

(a) **Konsep Pemilik Sebenar (*True Ownership*)**

Konsep ini menerangkan bahawa pada hakikatnya segala apa jua yang wujud di alam ini sama ada kekayaan di bumi atau di langit dan yang ada di antara keduanya adalah milik Allah s.w.t. Jika manusia itu mempunyai harta yang banyak sekalipun, ia hanyalah di anggap sebagai pemilik sementara sahaja kepada sumber-sumber kepunyaan Allah s.w.t.²⁴ Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan perkara ini. Antaranya ialah firman Allah s.w.t :

وَلِلّٰهِ مُنْكَرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kerajaan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya..."

Sûrah al-Mâ'idah (5): 17.

Firman Allah s.w.t. lagi :

لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَمَا تَحْتَ التَّرَىٰ

Maksudnya:

"KepunyaanNyalah semua yang ada di langit, semua yang ada di bumi, semua yang ada di antara keduanya dan semua yang ada di tanah."

Sûrah Tâhâ (20): 6.

Di dalam ayat yang lain, Allah s.w.t. juga berfirman :

²⁴Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.* h.10.

وَاللَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ
أَوْ تَخْفُوهُ يَحْسِبُوكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَعْلَمُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيَعْذِبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya:

"Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakan kepada kamu. Kemudian ia mengampunkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang dan kebijaksanaanNya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Sūrah al-Baqarah (2): 284.

Selain daripada ayat tersebut, ayat-ayat lain yang berkaitan adalah ayat 18 Sūrah al-Mā'idah (Q5:18), ayat 26 dan 189 Sūrah al-'Imrān (Q3:26,189), dan ayat 83 Sūrah Yāsīn (Q36:83). Konsep pemilik sebenar ini akan dapat difahami dengan lebih jelas dengan memahami konsep yang kedua iaitu konsep *al-khilāfah*.

(b) Konsep Manusia Sebagai Khalifah

Konsep ini menjelaskan tentang peranan dan tanggungjawab manusia terhadap alam dan kekayaanya. Manusia diberikan hak untuk memiliki dalam bentuk amanah dan kebebasan manusia menggunakan kekayaan milik Allah ini terbatas dalam lingkungan Syariah yang telah ditetapkan.²⁵

Terdapat beberapa ayat yang menjelaskan perkara ini yang mana firman Allah s.w.t yang berbunyi :

²⁵ Sobri Salamon (1990), Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, "Falsafah Ekonomi Bank Islam: Mengapa Malaysia Perlu Kepada Bank Islam", Sobri Salamon. Pulau Pinang: Penerbit USM, h.80.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ...

Maksudnya:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhan berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi..." "

Sūrah al-Baqarah (2): 30.

Firman Allah s.w.t. lagi :

إِمْنَوْا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَأَنْفَقُوا مَا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْلِفِينَ فِيهِ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا
مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَيْفَ

Maksudnya:

"Berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan belanjakanlah (pada jalan kebaikan) sebahagian harta benda (pemberian Allah) yang dijadikanNya kamu mewarisinya. Kerana orang yang beriman di antara kamu yang membelanjakan (sebahagian dari harta itu pada jalan Allah), mereka itu tetap beroleh ganjaran yang besar."

Sūrah al-Hādīd (57): 7.

Lagi firman Allah s.w.t.:

قَالُوا أَوْزَنَنَا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَأْتِنَا وَمِنْ بَعْدِ مَا جِئْنَا قَالَ عَسَى رَبُّكُمْ أَنْ
يُهْلِكَ عَدُوَّكُمْ وَيَسْتَخْلِفَكُمْ فِي الْأَرْضِ فَنَظَرُ كَيْفَ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kaum Mūsā berkata: "Kami telah ditindas (oleh Firaun) sebelum kamu datang kepada kami dan sesudah kamu datang". Mūsā menjawab: "Mudah-mudahan Allah membinasakan musuhmu dan menjadikan kamu khalifah di bumi", maka Allah akan melihat bagaimana perbuatanmu.

Sūrah al-'Arāf (7): 129.

Selain ayat-ayat tersebut, terdapat beberapa lagi ayat lain yang menerangkan lagi konsep ini, antaranya ialah ayat 5 Sūrah al-Nisā' (Q4:5),

ayat 15 Surah al-Hujurāt (Q49:15), ayat 133 dan 165 Surah al-Anām (Q6:133,165) dan ayat 55 Surah al-Nūr (Q24:55).

(c) **Konsep keadilan (*al-'Adālah*)**

Keadilan ialah satu asas utama dalam syariah Islam. Konsep ini menjelaskan tentang peranan sebenar di dalam memberi sumbangan positif kepada kebajikan ekonomi seluruh rakyat melalui memenuhi keperluan asasi manusia, membasmi punca-punca kesulitan dan meningkatkan kualiti hidup dalam bidang moral, akhlak dan material.

Aktiviti dan perlakuan ekonomi dalam sektor kebajikan masyarakat (*ijtimā'i*), mendukung fungsi-fungsi yang antaranya seperti membantu golongan yang lemah dan menyediakan skim kesejahteraan sosial (*al-damān al-ijtimā'i*) negara. Aktiviti-aktiviti ini dilakukan dengan menggunakan harta milik awam dan apabila perlu, harta milik negara seperti zakat, sedekah, wakaf dan pinjaman kebajikan (*al-Qardh al-Hasan*).²⁶

Salah satu firman Allah s.w.t yang menjelaskan perkara ini adalah :

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا يَنْهَا مِنْ إِلَّا بِالْحَقِّ وَإِنَّ السَّاعَةَ لَآتِيَةٌ
فَاضْفَحْ الصَّفَحَ الْجَمِيلَ

²⁶Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit* , h.21-22

Maksudnya:

"Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara kedua-duanya itu melainkan untuk tujuan-tujuan yang benar dan adil. Dan sesungguhnya hari kiamat itu tetap pasti datang (bila mana ia akan menjadi terang nyata). Oleh itu biarkanlah (kesalahan-kesalahan manusia) dengan kemaafan secara yang elok."

Sūrah al-Hijr (15): 85.

Allah s.w.t telah menjadikan langit dan bumi dan makhluk dalam keseimbangan yang tepat, bukan sahaja dari segi bentuk, gerakan, malah fungsi setiap makhluk juga telah dihuraikan agar dunia dan alam akan terus menyediakan kehidupan yang sesuai dan selesa bagi manusia. Tugas manusia ialah untuk mentadbir sumber-sumber kurniaan Allah s.w.t dengan penuh keadilan dan persamaan. Atas dasar keadilan yang diberikan ini, setiap manusia dituntut untuk memberi keadilan dan kesamaan dalam segala tindak-tanduknya agar orang lain juga mendapat manfaat untuk fitrahnya.

(d) Integrasi Antara Nilai-nilai Akhlak dengan Aktiviti Ekonomi

Islam sebagai *al-Dīn* yang syumul telah menggariskan nilai-nilai tetap yang wajib dipatuhi oleh umat manusia sebagai khalifah dan tidak dibenarkan sama sekali memisahkanya daripada aktiviti-aktiviti ekonomi sama ada dalam bidang pelaburan, perbelanjaan, penabungan, pengagihan dan lain-lain. Biar bagaimana tinggi tahap pencapaian pertumbuhan ekonomi, ia tidak boleh mendakwa berjaya jika nilai-nilai akhlak dikesampingkan dalam amalannya.

Pencapaian manusia dalam pertumbuhan ekonomi hanya akan diiktiraf sekiranya ia diasaskan pada akhlak Islamiah. Ini kerana nilai-nilai yang ditetapkan itu adalah berada di dalam kemampuan manusia untuk melaksanakannya. Manakala segala aktiviti manusia sama ada lahir atau batin, ekonomi dan sosial sentiasa berada di bawah pengawasan Allah yang akan dihisab dan diadili untuk menentukan ganjaran dan balasan yang sewajarnya.²⁷

Allah s.w.t menyatakan di dalam beberapa ayat berkaitan dengan prinsip ini yang berbunyi :

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ عَامَّوْا وَاتَّقُوا لِفَتَحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَكِنْ كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya:

"Sekiranya penduduk negeri-negeri itu beriman serta bertaqwa, tentulah Kami benar-benar akan membuka kepada mereka (semua jenis) pemberian yang melimpah ruah berkatnya dari langit dan bumi, tetapi mereka menolak (kebenaran), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka usahakan."

Sūrah al-A'rāf (7): 96.

Antara ayat lain yang berhubung adalah ayat 123-124 Sūrah Tāhā (Q20:123-124), ayat 105 Sūrah al-Taubah (Q9:105) dan ayat 97 Sūrah al-Nahl (Q16:97).

²⁷ Sobri Salamon (1984), *Bank Islam*. Petaling Jaya: Persatuan Ulamak Malaysia, h.7.

(e) Sikap Positif Terhadap Kegiatan dan Pembangunan Ekonomi

Konsep ini menjelaskan bahawa segala kekayaan yang disediakan oleh Allah s.w.t mesti diurus, diguna dan dimanfaat selaras dengan ajaran-ajaran dan tuntutanNya. Manusia tidak sekadar bertanggungjawab melindungi harta kekayaannya malah juga mesti memastikan bahawa ia diperolehi dan seterusnya digunakan dengan cara yang betul dan halal.

Pendapatan hasil keuntungan dari perniagaan yang bebas dari unsur riba adalah suatu konsep yang penting dalam menentukan kegiatan pengembangan harta itu adalah halal. Dalam hal ini, Allah s.w.t melarang pembekuan modal sama ada dalam bentuk sorok atau simpan. Ianya mestilah dilaburkan dalam bidang yang produktif bagi mendapatkan pulangan yang berpatutan.²⁸ Ada beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan maksud ini seperti berikut :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ
بِالْأَطْلَوْ وَيَصْدُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَخْتَرُونَ الدَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا
يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ramai di kalangan pendeta dan ahli agama (*Yahūdī* dan *Nasrānī*) yang memakan harta orang ramai dengan cara yang batil, dan mereka menghalangi manusia dari jalan Allah. Dan ada mereka yang menanamkan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan halasan azab siksa yang tidak terperinci."

Sūrah al-Taubah (9): 34.

²⁸Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*,h.25.

(f) Agihan Semula Kekayaan Berorientasikan Sosial

Prinsip ini menjelaskan bahawa segala harta kekayaan alam yang didapati hendaklah dinikmati bersama iaitu yang miskin harus mendapat sebahagian kekayaan dari yang kaya. Allah s.w.t telah menyatakan dan memerintahkan orang kaya supaya menghormati dan memberikan hak orang miskin dan memelihara harta Allah s.w.t sebaik-baiknya. Institusi zakat yang menjadi salah satu rukun Islam adalah merupakan institusi sosial yang sebaiknya untuk menjaga dan memberikan hak kepada yang berhak. Allah s.w.t berfirman :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تَطْهِيرًا وَتَرْكِيمٌ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوةَكَ سَخَّنَ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْنَا

Maksudnya:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya tuan hamba membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doa tuan hamba itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Sūrah al-Taubah (9): 103.

Allah s.w.t berfirman lagi:

وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ لِلْمَسَائلِ وَالْمَحْرُومُ

Maksudnya:

"Dan pada harta-harta dan hak milik mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri oleh kerana sesuatu sebab tersekat (dari meminta)."

Sūrah al-Dzāriyāt (51): 19.

Selain ayat tersebut terdapat beberapa ayat lain lagi yang menjelaskan perkara berkaitan, antaranya ayat 60 Surah al-Taubah (Q9:60), ayat 26 Surah al-Isrā' (Q17:26) dan ayat 177 dan 196 Surah al-Baqarah (Q2:177, 196).

(g) Penghapusan Institusi Riba

Perkara pokok di dalam sistem perbankan Islam yang berdasarkan hukum syariah ialah larangan mutlak terhadap unsur-unsur riba. Islam telah mengharamkan amalan riba dalam semua bentuk, sama ada riba dalam bentuk pertukaran ataupun riba dalam bentuk pinjaman. Prinsip ini adalah merupakan satu prinsip penting dan larangan bagi memberi dan mengambil riba telah dinyatakan dengan jelas oleh sumber perundangan Islam iaitu al-Quran, al-Hadis dan juga al-Ijma'. Ketentuan umum dalam Islam bahawa ketiga dasar hukum di atas adalah sangat tegas, apalagi alasan yang disebutkan al-Quran yang bersifat *qa'i*.

Allah s.w.t berfirman:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَفْعُمُ الَّذِي يَتَحَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ
مِنَ النَّاسِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ أَيْمَنَ
وَخَرَمَ الرِّبَا...
.....

Maksudnya:

"Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), "Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba", padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..."

Surah al-Baqarah (2): 275.

Terdapat beberapa lagi ayat lain berkaitan dengan larangan Allah terhadap riba seperti ayat 276, 278-279 Sūrah al-Baqarah (Q2:276, 278-279), ayat 130 Sūrah al-`Imrān (Q3:130), ayat 158-159 Sūrah al-Nisā' (Q4:158-159) dan ayat 39 Sūrah al-Rūm (Q30:39).

Pengharaman riba dalam al-Quran sebenarnya terdapat dalam empat peringkat wahyu²⁹ pada masa berlainan yang melibatkan sebanyak lapan ayat dalam empat surah seperti yang dijelaskan di atas. Wahyu yang keempat iaitu Sūrah al-Baqarah ayat 275-279 (Q2: 275-279) diturunkan ketika hampir sempurna kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dengan tegas menyatakan perbezaan antara jual beli dan riba dan meminta orang-orang Islam supaya tidak mengambil riba dan hanya mengambil jumlah pokok pinjaman sahaja supaya tidak berlaku kezaliman kepada sesiapa.

Beberapa hadis berhubung dengan riba adalah sepertimana daripada 'Abd Allāh b. Ḥanẓalah:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : درهم ربا يأكله الرجل وهو
يعلم أشد من ست وثلاثين زينة

Sabda Rasulullah s.a.w. : "Satu dirham dari wang riba yang dimakan oleh seorang, padahal ia tahu lebih berat (dosanya) daripada tiga puluh enam perzinaan".³⁰

²⁹ Sesetengah ulama' mengatakan tiga peringkat. Sila lihat Muḥammad Abū Zahrah (1970), *Buhūth fī al-Ribā*. Kuwait: Dār al-Buhūth al-Ilmiyyah, h.25.

³⁰ Riwayat Ahmad. Sila Lihat al-Syawkānī, Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad (1984), *Nayl Awār*, Bāb al-Ribā, Bāb al-Tasyidī Fīh, J.5. Beirut: Dār al-Fikr, h.296.

Dari pada al-Barrā' Ibn Jarīr :

الرِّبَا اثْنَانٌ وَسُتُونَ بَابًا أَدْنَاهَا مُثْلُ اتِّيَانِ الرَّجُلِ أَمَهٌ

"Riba itu ada mempunyai enam puluh dua pintu. Yang paling ringan dosa dari yang tersebut itu ialah seperti dosa orang yang berzina dengan ibunya".³¹

Ribā adalah perkataan Arab yang boleh diertikan sebagai menambah (*al-ziyādah*), mengembang (*al-numuw*), meningkat dan membesar (*al-irrijā'* dan *al-'uluw*).³² Ibn Manzūr di dalam kitab bertajuk, *Lisān al-'Arab* mengatakan "Umbi kepada perkataan riba adalah bertambah, oleh itu riba yang melibatkan wang adalah pertambahan kepada wang tersebut".³³ Dalam syariah, riba secara teknikal merujuk kepada premium yang mesti dibayar oleh peminjam kepada yang memberi pinjaman bersama-sama dengan jumiah prinsipal sebagai satu syarat untuk melanjutkan kematangannya.³⁴

Dari segi istilah yang diberikan oleh ahli perundungan Islam, maka *al-riba* ertiinya ialah suatu bentuk kontrak atas harta tertentu yang tidak diketahui

³¹ Riwayat Ibn Jarīr dan Ibn Abī Dunyā. Sila lihat al-Syawkānī (1984), *ibid.*

³² al-Zuhaylī, Wahbah (1996), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, J.4. Dimasyq: Dār al-Fikr, h. 668; Maududi, S A.A. (1984), *Economic System of Islam* Lahore, Pakistan, h.160; Lihat juga Chapra, Muhammad Umer (1985), *Towards a Just Monetary System*. UK. The Islamic Foundation, h.56; Azlan Khalili Shamsudin (1995), *Riba Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.1.

³³ Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad b. Mukarram (1990), *Lisān al-'Arab*, J.14. Beirut: Dār Sādir, h.304.

³⁴ Chapra, Muhammad Umer Chapra (1985), *op.cit.* h.56-57; Azlan Khalili Shamsudin (1995) *op.cit.*, h.2.

persamaan dan ukurannya ketika akad dilaksanakan atau melewatkkan penyerahan kedua barang yang dipertukarkan atau melewatkkan salah satunya.³⁵

Para fuqaha membahagikan riba ini kepada dua jenis iaitu *ribā al-fadl* dan *ribā al-nasi'ah*.³⁶ *Ribā al-fadl* ini bererti tambahan (*al-ziyādah*) yang bermaksud jual beli barang ribawi dengan sejenisnya dengan adanya tambahan yang dibuat oleh seorang yang berkontrak.³⁷ Umpamanya seorang menjual satu kilo gandum dengan tukaran dua kilo gandum, atau seratus gram emas dengan seratus sepuluh gram emas. Hal ini berdasarkan kepada hadis nabi.³⁸

Ribā al-Nasi'ah pula bererti menangguhkan yang bermaksud apabila terjadi kontrak jual beli pada barang ribawi dengan barang ribawi yang

³⁵ Mengikut definisi ini, apabila terjadi pertukaran antara barang yang digolongkan kepada *ribawi* mestilah ukurannya sama, baik dari segi beratnya bagi barang yang ditimbang, ataupun sukatannya bagi barang yang disukat. Jadi apabila seseorang menukar satu gram emas dengan orang lain, maka ia mesti menerima satu gram pula. Kalau terjadi kelebihan, maka itu dianggap sebagai barang riba. Demikian juga apabila dalam kontrak, jika kita bersetuju untuk menukar sesuatu harta kita dengan orang lain, maka mestilah diserahkan pada masa itu. Tidak boleh melewatkkan penyerahannya, baik salah satu mahupun keduanya. Di samping itu, ukuran harta yang dipertukarkan itu, mestilah diketahui jumlahnya ketika terjadinya akad atau kontrak. Kalau tidak diketahui ukurannya, maka jadilah ia riba. Lihat Mohd Ridzuan Awang dan Jafri Khalil (1998), "Prinsip dan Aspek Syariah Dalam Perbankan Islam", *Isu Syariah dan Undang-undang*, Fakulti Pengajian Islam, UKM, Siri 5, h.37.

³⁶ *Ribā al-Nasi'ah* juga dipanggil dengan *ribā al-Duyūn*, *ribā al-Mubāsyir* atau *ribā al-Jali*, manakala *ribā al-fadl* pula panggil juga *ribā al-Buyūn*, *ribā Ghayr al-Mubāsyir* atau *ribā al-Khafi*.

³⁷ al-Zuhaylī, Wahbah (1996), *op.cit.*J 4, h 671; Mohd Ridzuan Awang dan Jafri Khalil (1998), *op.cit.*, h.38

³⁸ Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhārī dari Abū Sa'īd al-Khudrī : Bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: "Janganlah menjual emas dengan emas, kecuali ia sama berat. Janganlah dikurangkan atau ditambah antara sebahagian dengan sebahagian. Janganlah menjual mata wang dengan matawang kecuali harganya sama dan janganlah mengurangkan dan menambah antara

sama atau berlainan yang mana masa pembayarannya ditangguhkan sama ada barang yang dijual itu sama jenis ataupun berlainan dan sama ada barang yang dijual beli itu sama berat ataupun tidak. Umpamanya scorang menjual satu kilo gandum dengan satu kilo gandum yang masanya ditangguhkan satu bulan, atau satu kilo garam dengan dua kilo barli yang masa pembayarannya ditangguhkan dua minggu. Hal ini juga berdasarkan kepada hadis nabi.³⁹

Fuqaha al-Syafi'i telah menambah satu lagi jenis riba iaitu *ribā al-yad*. *Riba al-yad* ialah melakukan urusan jual beli barang ribawi yang sejenis tanpa ada syarat penangguhan pada masa akad, tetapi dalam kenyataannya penyerahan barang itu dilaksanakan dalam keadaan tertangguh.⁴⁰ Dalil tentang pengaharaman riba ini ialah hadis Nabi yang diriwayatkan oleh 'Umar: "Janganlah melaksanakan jual beli emas dengan emas kecuali dalam keadaan tunai", ertinya mestilah dilaksanakan dengan timbang tunai.⁴¹

sebahagian dengan sebahagian." (Hadis dikeluarkan oleh Bukhārī dalam *Kitāb al-Buyū'*, Bāb *Bay' al-Fidḍah bi al-Fidḍah*, No. 2068, dan Muslim dalam *al-Masāqah*, Bāb *al-Ribā*, No. 1584).

³⁹ Diriwayatkan oleh Abū Sa'īd bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

الذهب بالذهب والفضة بالفضة والبر بالبر والشغف بالشغف والتمر بالتمر والملح بالملح مثلاً بتعلّم يداً بيد فمن زاد أو استزاد فقد أربى الآخذ والمطعى فيه سواء

Makudnya: "*Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, tamar dengan tamar, garam dengan garam, serupa dengan serupa, unjuk-berunjuk, sesiapa juga yang membayar lebih atau meminta (mengambil) lebih maka dia telah terlibat dengan riba. Orang yang mengambil dan yang membayar adalah sama*". Sila lihat *Sahih Muslim*, op.cit., J5 h.44,

⁴⁰ al-Zuhaylī, Wahbah (1996), op.cit., J.4, h.674.

⁴¹ Maksud serupa dengan serupa (*mithlān bi-mithlī*) ialah tida perbezaan dari segi jenisnya, sama dengan sama (*sawā'īn bi-sawā'*) ialah tiada perbezaan dari segi kadarnya (kuantiti) sama ada pada timbangan ataupun sukatian; unjuk-berunjuk (*yadān bi-yad*) ialah pertukaran barang itu serta merta ketika berkontrak. Persamaan di sini memperlihatkan persamaan pada tiga aspek iaitu,

(h) Perkongsian Untung dan Rugi (*profit loss and sharing*)

Prinsip ini menjelaskan alternatif kepada pengaharaman riba dalam sistem perbankan dan kewangan Islam. Ahli-ahli ekonomi Islam telah merangka sistem perkongsian untung dan rugi yang merupakan asas berdasarkan kepada prinsip-prinsip *al-Mudārabah* dan *al-Musyārakah*. Kedua-duanya adalah asas kepada semua kegiatan ekonomi yang melibatkan wang, harta dan buruh di dalam Islam.

Di dalam sistem ini jumlah pulangan kepada dana (modal) yang dilaburkan tidak boleh ditetapkan terlebih dahulu (*predetermined*) atau tetap (*fixed*). Kadar (*ratio*) keuntungan bergantung kepada hasil daripada pelaburan yang dilakukan. Apabila modal disumbangkan seluruhnya oleh satu pihak dan usaha disumbangkan oleh pihak lain seperti dalam akad *mudarabah*, bahagian (kadar) keuntungan setiap pihak adalah mengikut perjanjian atau persetujuan yang dicapai semasa akad dimeterai dan kerugian, jika berlaku ditanggung oleh pemilik modal (*supplier of the capital*). Kerugian hanya akan ditanggung oleh usahawan apabila pasti kes kecuaian dan kelalaian berlaku di pihaknya. Apabila penyumbang kepada modal lebih daripada seorang seperti dalam kes *musyārakah* keuntungan diagihkan di antara mereka mengikut kadar yang dipersetujui, sama ada mengikut kadar modal yang disumbangkan atau perjanjian dan kerugian yang berlaku akan

persamaan dari segi jenis (*naw'*), persamaan dari segi kadar dan persamaan dari segi masa. Sila lihat al-Saykh Mansūr 'Alī Nāṣif (1961), *al-Tāj al-Jāmi' li al-Uṣūl fi Ahādīth al-Rasūl*, J.2. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h.213.

ditanggung oleh mereka mengikut kadar sumbangan modal masing-masing.⁴²

Selain daripada *al-Mudārabah* dan *al-Musyārakah* beberapa instrumen kewangan alternatif telah dicadangkan dalam rangka kerja sistem perbankan dan kewangan yang berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah. Antaranya ialah *al-Ijārah*, sewa beli, *al-Bay' Bithaman Ājil* (BBA), *al-Murābahah*, *Bay' al-Salam*, *Bay' al-Dayn* dan *Bay' al-'Inah*. Kelebihan *mudārabah* dan *musyārakah* berbanding dengan sistem yang berasaskan kepada riba (bunga) amat jelas sekali. Umpamanya kedua-dua instrumen ini akan dapat mengatasi masalah perubahan-perubahan struktur ekonomi, di mana bank dan lain-lain institusi kewangan menjadi kurang rigid kerana tidak ada kadar bunga tetap yang mendatangkan pulangan minimun dari pelaburan modal.⁴³

1.2.4 Fungsi Perbankan Islam

Sistem perbankan Islam mempunyai fungsi-fungsi perbankan yang sama seperti sistem perbankan konvensional. Walau bagaimanapun, ia perlu mematuhi hukum-hukum syariah yang telah ditetapkan. Syariah merupakan satu hukum kanun, iaitu undang-undang dan norma-norma yang berlandaskan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

⁴²Joni Tamkin bin Borhan (2001), "Falsafah Ekonomi dan Instrumen Muamalah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia", *Jurnal Usuluddin*, Bil.13, Julai 2001, h.125.

⁴³Joni Tamkin bin Borhan (2001), *ibid.*, h. 126-127.

Fungsi asas penubuhan bank konvensional adalah sebagai tempat orang ramai menyimpan wang dan juga tempat bagi mereka yang memerlukan bantuan kewangan mendapatkan pinjaman. Pelanggan-pelanggannya pula biasanya di kelaskan kepada tiga kategori utama iaitu orang perseorangan, perniagaan dan juga sektor awam.⁴⁴

Terdapat empat jenis kemudahan simpanan wang yang telah disediakan oleh bank konvensional iaitu perkhidmatan akaun simpanan (tabungan), akaun semasa, simpanan tetap dan sijil simpanan bolehniaga. Jenis perkhidmatan ini mungkin juga berbeza berdasarkan jenis pelanggan yang disebutkan tadi.

Sebagai tempat untuk pinjaman pula, bank-bank konvensional kebiasaannya akan menyediakan pinjaman bagi keperluan persendirian dan juga perniagaan. Bentuk-bentuk kemudahan ini juga terdiri daripada pelbagai jenis termasuklah overdraf, pinjaman tetap dan sebagainya. Selain daripada dua perkhidmatan asas ini bank-bank konvensional juga memberikan perkhidmatan sampingan termasuklah perkhidmatan urusan kiriman wang, tukaran wang, khidmat nasihat dan lain-lain.

Bagi memenuhi keperluan perbankan orang-orang Islam, bank-bank Islam berfungsi sebagai tempat orang Islam menyimpan wang dan mendapatkan kemudahan pembiayaan. Sebagai tempat untuk menyimpan wang, bank-bank Islam menawarkan perkhidmatan simpanan yang seakan-akan sama dengan bank-bank konvensional seperti akaun simpanan (tabungan), akaun semasa dan simpanan tetap.

⁴⁴Sudin Haron (1996), *op.cit.*, h.48.

Sebagai tempat pembiayaan, bank-bank Islam juga menawarkan kemudahan kepada pelanggan-pelanggan sama ada pelanggan individu atau perniagaan yang memerlukan bantuan kewangan. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti lain seperti kiriman wang, tukaran wang dan khidmat nasihat, semuanya boleh didapati di bank-bank Islam. Namun begitu, semua aktiviti yang dijalankan ini tidak melibatkan unsur-unsur riba.

Walaupun terdapat persamaan dari segi fungsi dan aktiviti yang dijalankan, ini tidaklah bererti bahawa konsep dan teori antara bank-bank Islam dan bank-bank konvensional adalah juga sama. Perbezaan ini wujud akibat daripada perbezaan landasan penubuhannya. Bank Islam merupakan sebuah organisasi yang bukan sahaja ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan perbankan tetapi perjalanan operasinya juga berlandaskan hukum agama Islam. Bank konvensional pula ditubuhkan semata-mata untuk tujuan perniagaan tanpa melibatkan faktor agama.

1.2.5 Matlamat dan Objektif Perbankan Islam

Perbankan Islam adalah merupakan sistem kewangan yang matlamat asalnya ialah bagi memenuhi pengajaran Islam yang menentang penjanaan pulangan yang melampau bagi sumber yang sedia ada. Larangan mutlak terhadap unsur-unsur riba adalah merupakan perkara pokok dalam sistem perbankan Islam. Konsep muamalat tanpa riba (*al-mu'āmalāt al-lārībawī*) iaitu satu konsep perniagaan yang

berbentuk perkongsian untung rugi menjadi alternatif terpenting kepada sistem perbankan konvensional yang menggunakan konsep bunga.⁴⁵

Bank Islam ditubuhkan bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan dalam perniagaannya, tetapi juga untuk mencapai matlamat kebajikan sosial dan moral dalam masyarakat menurut Islam. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) umpamanya di dalam *Laporan Tahunan 1985* menetapkan bahawa matlamat korporatnya adalah seperti berikut:⁴⁶

"Matlamat korporat Bank ini adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat bank atas landasan prinsip, peraturan dan amalan Islam kepada semua kaum dan rakyat negara ini. Prinsip, peraturan dan amalan ini adalah sebenarnya hukum-hukum muamalah Islam (ahkām al-mu'amalāt al-Islāmiyyah) yang berkaitan dengan urusan bank dan kewangan. Usaha Bank untuk menyediakan kemudahan dan khidmat ini akan dilaksanakan dengan mengambil kira daya hidup atau 'viability' serta kemampuannya untuk berkembang dan maju secara berterusan dari masa ke semasa".

Namun begitu, matlamat utama SPI menjelang tahun 2010 adalah untuk menguasai sekurang-kurangnya 20 peratus daripada bahagian pasaran.⁴⁷ Untuk itu SPI mestilah berteraskan prinsip-prinsip syariah bagi mencapai tujuan yang tersendiri iaitu mengumpulkan modal yang mencukupi untuk pengeluaran, penggunaan dan penukaran, mengagihkan modal kepada sektor-sektor yang benar-benar memerlukan dan bolch membawa faedah kepada masyarakat

⁴⁵ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), h.260.

⁴⁶ BIMB, *Laporan Tahunan 1985; Idem, Laporan Tahunan 2000*.

keseluruhannya, menentukan kestabilan harga, menentukan keadaan ekonomi yang makmur dan bersih daripada segala jenis kesempitan di peringkat individu dan mewujudkan keadilan sejagat.⁴⁸

Secara keseluruhannya, matlamat SPI ialah untuk membentuk satu sistem kewangan Islam yang efisien, progresif dan lengkap yang dapat memberi sumbangan bermakna kepada kecekapan dan keberkesanan sektor kewangan Malaysia di samping memenuhi keperluan ekonomi negara dan memperkenalkan Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam di rantau ini. Untuk membina keupayaan SPI agar dapat bersaing secara efektif dan meningkatkan juzuk pasarnya dalam sistem kewangan maka beberapa strategi khusus telah dirangka dan atas prasarana kewangan juga harus diperkuuhkan.

1.3 Perkembangan Perbankan Islam di Malaysia

1.3.1 Peringkat-peringkat perkembangan

Bagi mengetahui dengan jelas tentang perkembangan perbankan Islam di Malaysia, penulis telah membahagikan kepada beberapa peringkat:⁴⁹

⁴⁷BNM, *Laporan Tahunan 2000*, h.165.

⁴⁸Othman Yong (1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia : Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.284.

⁴⁹Mohd Sabri Zakaria (1999), *Nāfidhah al-Mu'amalāt al-Islāmiyyah fī al-Bunūk al-Tijāriyyah : Dirāsah Ḥālah Bank Bumiputra Malaysia, Risālah M.A.*, Jordan, h.6.

1.3.1.1 Peringkat pertama

Peringkat ini bermula semenjak 1980 lagi, apabila Kongres Ekonomi Bumiputera telah meluluskan usul meminta Kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) menubuhkan sebuah bank Islam untuk mengumpul dan melabur wang umat Islam.

Begitu juga Seminar Kebangsaan Konsep Pembangunan Dalam Islam yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1981 telah meluluskan resolusi meminta Kerajaan mengambil tindakan segera untuk mengadakan undang-undang bagi membolehkan penubuhan bank dan badan kewangan yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Islam.

Hasil dari beberapa usaha dan inisiatif yang dilakukan oleh LUTH dan Badan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) berserta beberapa individu tertentu, Kerajaan telah menerima syor supaya langkah bagi menubuhkan bank Islam di selaraskan pada peringkat kebangsaan. Berikutan dengan itu pada 30 Julai 1981, Kerajaan telah melantik Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam dengan dipengerusikan oleh YM Raja Tan Sri Mohar bin Raja Badiozaman, Penasihat Khas kepada Perdana Menteri dan LUTH dilantik sebagai urusetianya. Jawatankuasa Pemandu telah menjalankan kajian mendalam dan terperinci dalam aspek-aspek perundangan, operasi, teknikal dan kewangan. Beberapa lawatan ke bank-bank Islam di Timur Tengah turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat langsung mengenai kedayamajuan perbankan Islam.⁵⁰

⁵⁰ *Bank Islam : Penubuhan dan Operasi* (1989). Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, h.3.

Dalam menyediakan laporan, jawatankuasa ini telah menggunakan operasi Faisal Islamic Bank di Mesir dan Sudan sebagai panduan.⁵¹ Jawatankuasa Pemandu ini telah mengemukakan laporannya kepada YAB Perdana Menteri pada 5 Julai 1982. Antara perakuan-perakuan Jawatankuasa termasuklah perkara-perkara berikut:⁵²

- a) Sebuah bank Islam yang menjalankan operasinya mengikut lunas-lunas hukum syarak hendaklah ditubuhkan;
- b) Bank Islam tersebut hendaklah diperbadankan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;
- c) Oleh kerana Akta Bank 1973 tidak sesuai bagi operasi bank Islam, maka satu peruntukan undang-undang yang dikenal sebagai Akta Bank Islam 1983 hendaklah diadakan untuk melesen dan mengawasi bank Islam;
- d) Pengawasan bank Islam di bawah Akta ini hendaklah dilakukan oleh Bank Negara Malaysia; dan
- e) Bank Islam hendaklah menubuhkan Majlis Pengawasan Syariah untuk menentukan bahawa ia menjalankan urusniaganya mengikut lunas-lunas hukum syarak.

⁵¹ Connors, Jane (1988), "Towards A System of Islamic Finance in Malaysia", dalam Chibli Mallat (ed.), *Islamic Law and Finance*. London: Graham & Trotman Limited, h.70.

⁵² Lihat Janāl al-Dīn 'Atīyyah (1407H), *al-Būmik al-Islāmiyyah Bayna al-Hurriyyah wa al-Tanzīm, al-Taqlīd wa al-Ijtihād: al-Nazariyyah wa al-Tathīq*. Qatar: Risālah al-Mahākim al-Syar'iyyah wa al-Syu'ūn al-Dīniyyah, h.47. Lihat juga *Bank Islam : Penubuhan dan Operasi* (1989), *op.cit.*, h.3-4.

Berikutnya daripada itu, Kerajaan memperakukan laporan tersebut dan seterusnya Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Pelaburan Kerajaan dibentangkan di Parlimen dan diluluskan pada bulan Mac 1983.⁵³

Pada 1 Mac 1983, BIMB telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan memulakan operasinya pada 1 Julai 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Seperti bank-bank berlesen yang lain, Bank Negara Malaysia (BNM) diberi kuasa di bawah Akta Bank Islam (ABI) untuk mengawal selia bank Islam.

Permulaan penubuhannya Bank Islam dengan sebuah cawangan di Kuala Lumpur mempunyai modal dibenar sebanyak RM 500 juta yang dibahagikan kepada 500 juta saham biasa yang bernilai RM 1.00 sesaham dan modal berbayar sebanyak RM 80 juta.⁵⁴ Pemegang-pemegang sahamnya terdiri daripada berikut:⁵⁵

Bil	Institusi	RM (Juta)
1	Kerajaan Malaysia - Kementerian Kewangan	30
2	Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH)	10
3	Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)	5
4	Majlis-Majlis Agama Negeri	20
5	Perbadanan/Yayasan Agama Negeri	3
6	Perbadanan-Perbadanan Peringkat Persekutuan	12
Jumlah Keseluruhan RM (Juta)		80

Sumber: BIMB

⁵³ Islamic Banking Practice - From The Practitioner's Perspective (1994). Kuala Lumpur: BIMB, h.153.

⁵⁴ Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h.329

⁵⁵ Othman Yong (1993), *op.cit.*, h.200; Bank Islam : Penubuhan dan Operasi (1989), *op.cit.*, h.6.

Tempoh selama 10 tahun yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebelum penubuhan sebuah lagi bank Islam bolehlah dianggap peringkat pengasasan. Dasar ini adalah untuk membolehkan BIMB beroperasi tanpa saingen yang boleh menjelaskan perkembangannya. Ia juga bertujuan supaya BIMB mewujudkan sebanyak mungkin produk dan perkhidmatan perbankan Islam yang mencukupi kepada rakyat Malaysia, khususnya yang beragama Islam.⁵⁶

BIMB di senaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) pada 17 Januari 1992. Pada tahun 1997, BIMB melaksanakan satu perjanjian penstrukturkan semula untuk meningkatkan modal berbayar dan dana pemegang sahamnya masing-masing kepada RM500 juta dan RM970 juta. Pada akhir bulan Jun 1999, aset BIMB berjumlah RM7.1 bilion sementara deposit dan pembiayaan berjumlah RM5.7 bilion dan RM3.8 bilion. BIMB kini beroperasi dengan 80 buah cawangan di seluruh negara dengan jumlah kakitangan seramai 1,670 orang. Selepas beroperasi selama 15 tahun, BIMB telah membuktikan bahawa, perbankan Islam adalah berdaya maju dan berkemampuan bersaing dengan bank-bank konvensional dalam sistem perbankan negara.⁵⁷

1.3.1.2 Peringkat kedua

Peringkat ini bermula pada tahun 1993 di mana tiga buah bank konvensional - Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB), Malayan Banking Berhad (Maybank)

⁵⁶BNM (1999), *op.cit.*, h.274

⁵⁷BNM (1999), *ibid.*

dan United Malayan Banking Corporation Berhad (UMBC)- mula membuka kaunter-kaunter perkhidmatan SPI kepada pelanggan.

Dalam tempoh percubaan, BIMB memperolehi kejayaan yang amat memberansangkan sehingga SPI ini dapat mendapat kepercayaan dari semua pihak termasuklah dari BNM sendiri. Pada tahun 1990, Gabenor BNM telah menyatakan hasratnya untuk mewujudkan satu sistem perbankan Islam yang berjalan seiring dengan sistem perbankan konvensional.⁵⁸

Keprihatinan Kerajaan Malaysia terhadap sistem kewangan Islam bermula apabila Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan hasrat untuk mencapai wawasan 2020.⁵⁹ Untuk mencapai wawasan tersebut, sistem kewangan Islam mestilah menepati perkara-perkara berikut.⁶⁰

- a) Mengadakan alternatif lain bagi muamalat yang berdasarkan riba untuk mencapai keadilan yang hakiki di dalam sektor kewangan. Keadilan yang sebenar tidak akan tercapai selagi amalan riba dan memakan harta orang lain masih berleluasa.
- b) Menerapkan nilai dan etika Islam di dalam sistem ekonomi Malaysia untuk mencapai hasrat kerajaan dengan menjelangnya

⁵⁸Muhammad Anwar (1993), "Interest-Free Banking Counter in Conventional Bank in Malaysia: Prospect and Issues", *Bankers Journal Malaysia*, Vol. 7, No.6, Kuala Lumpur, h.18.

⁵⁹Prime Minister Department Malaysia (1990), (Proceeding National Seminar Toward A Developed And Industrialised Society) : "Understanding The Concept, Implications And Vision 2020", Kuala Lumpur, h.27.

⁶⁰Dzuljastri Abd. Razak (1994), "Skim Perbankan Tanpa Faedah", *Dewan Ekonomi*, J.1, Bil 5, Kuala Lumpur, h.9.

tahun 2020. Wawasan ini tidak akan tercapai selagi nilai dan etika tidak diterapkan ke dalam diri dan jiwa masyarakat.

- c) Menyediakan alat-alat prasarana kewangan dan juga kepakaran bagi menyuburkan lagi ekonomi dan masyarakat Islam.

Pada tahun 1993, maka timbulah kecenderungan untuk menambahkan jumlah institusi dalam SPI di Malaysia. Terdapat beberapa pendekatan yang perlu dipilih, antaranya:⁶¹

- i) Menubuhkan bank Islam yang kedua;
- ii) Mbenarkan bank-bank konvensional menubuhkan syarikat subsiadari yang menawarkan perbankan Islam;
- iii) Mbenarkan bank-bank konvensional menawarkan khidmat perbankan Islam dengan menggunakan infrastruktur dan cawangan yang sedia ada.

Pilihan pertama dan kedua adalah tidak munasabah sekali kerana ianya melibatkan kos yang tinggi kerana kos untuk membuka satu cawangan sahaja dianggarkan menelan belanja sebanyak RM500,000. Di samping itu, pembukaan cawangan baru memakan masa dan menimbulkan masalah kekurangan tenaga kerja. Sebaliknya, pilihan ketiga hanya menggunakan infrastruktur yang sedia ada untuk menawarkan kemudahan perbankan Islam. Maka, pihak Kerajaan telah memilih pendekatan ketiga sebagai kaedah yang paling cekap dan berkesan untuk meningkat bilangan institusi yang menawarkan perbankan Islam pada kos yang

rendah dan dalam masa yang singkat.⁶² Berdasarkan pilihan inilah lahirnya Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).⁶³

Hasilnya pada 4 Mac 1993, satu skim iaitu skim SPTF telah diperkenalkan dan dilancarkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia. Semasa tempoh perintis, SPTF melibatkan tiga buah bank perdagangan tempatan iaitu BBMB, Maybank dan UMBC di mana terdapat 101 cawangan yang terlibat. Cawangannya adalah seperti berikut:⁶⁴

Bank Bumiputra Malaysia	-	66 cawangan
Malayan Banking Berhad	-	29 cawangan
United Malayan Banking Corporation	-	6 cawangan
Jumlah	-	<u>101 cawangan</u>

Pada peringkat ini, skim yang dilancarkan merangkumi tujuh produk yang bertujuan meningkatkan tabungan negara di samping memudahkan orang ramai khususnya masyarakat Islam menjalankan urusniaga perbankan tanpa riba. Tujuh produk berdasarkan prinsip muamalat Islam yang ditawarkan itu adalah Deposit Akaun Simpanan Amanah (*al-Wadi'ah*), Akaun Pelaburan Pembahagian Untung (*al-Mudārabah*), Pembiayaan Perumahan dan Kenderaan Berasaskan Konsep Jual

⁶¹Ministry of Finance Malaysia, *Economic Report 1994-95*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional, h.223.

⁶²Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.54 - 55.

⁶³Kini istilah SPTF telah ditukar kepada Skim Perbankan Islam (SPI) yang berkuatkuasa pada 1 Disember 1998.

⁶⁴Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.56.

Beli Bayaran Bertangguh (BBA), Pembiayaan Perdagangan, Sewaan, Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport dan Bil Penerimaan Tanpa Faedah.⁶⁵

Fasa kedua mula dilancarkan pada 23 Ogos 1993 di mana ia membabitkan empat bank perdagangan lagi, sebuah bank saudagar dan lima buah syarikat kewangan. Fasa ini lebih menumpukan kepada suatu usaha untuk memberikan kemudahan kepada penduduk di Pantai Timur iaitu Terengganu, Pahang, Kelantan dan termasuk Johor. Dengan itu cawangan perbankan Islam meningkat kepada 440 cawangan tidak termasuk cawangan BIMB. Empat buah bank perdagangan yang dimaksudkan ialah Development and Commercial Bank Berhad, Kwong Yik Bank Berhad, Perwira Habib Bank Berhad dan Standard Chartered Bank. Sebuah bank saudagar pula ialah Arab Malaysian Merchant Bank Berhad. Manakala lima syarikat kewangan pula Arab-Malaysian Finance Berhad, BBMB Kewangan Berhad, Mayban Finance Berhad, Public Finance Berhad dan Maybank Finance Berhad.

Dengan ini, SPI telah mempunyai 21 instrumen yang dikendalikan menerusi 14 buah bank dan institusi kewangan konvensional. Namun, lima instrumen yang paling popular ialah Wadiyah Yad Dhamanah, Mudharabah, Musyarakah, Murabahah dan BBA.

Fasa ketiga yang dirangka oleh BNM pula adalah untuk memperluaskan lagi skim ini ke kawasan utara semenanjung iaitu meliputi Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan

⁶⁵ Berita Harian, 4 Mac 1993.

Utara Perak.⁶⁶ Pada akhir Julai 1998, selain daripada BIMB, sebanyak 54 institusi kewangan yang lain menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah SPTF. Jumlah ini merangkumi 24 bank perdagangan, 18 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun. Beberapa langkah baru telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkuatkkan pembangunan perbankan Islam yang meliputi peningkatan dana untuk skim ini. Langkah-langkah tersebut adalah sebagaimana yang tercatat dalam Laporan Ekonomi Malaysia 1999/2000 (Rujuk Lampiran 2).

1.3.1.3 Peringkat ketiga

Setelah objektif untuk mewujudkan pelbagai instrumen tercapai melalui fasa satu dan dua mulai 1993, usaha seterusnya ditumpukan pada pasaran wang antara bank secara Islam untuk menghubungkan institusi dengan instrumen. Peringkat ini bolehlah dianggap sebagai peringkat pengukuhan yang mana setelah perbankan Islam wujud di serata negeri. Pihak kerajaan terpaksa memastikan yang ianya dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Antara beberapa perkara yang diambil adalah seperti berikut:

a) Memperkenalkan Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM)

⁶⁶NST, 22 Ogos 1993.

Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam atau *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) diperkenal dalam sistem kewangan Malaysia mulai 3 Januari 1994.⁶⁷ Ianya meliputi beberapa aspek berikut:⁶⁸

- i- Urusniaga Dalam Instrumen Kewangan Islam Antara Bank;
- ii- Pelaburan Antara Bank Secara Islam atau Pelaburan Antara Bank Secara Mudharabah (MII); dan
- iii- Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam (IICCS).

i- Urusniaga Dalam Instrumen Kewangan Islam

BNM dan semua institusi-institusi kewangan SPTF dibenarkan berurusniaga antara mereka dalam instrumen kewangan Islam, seperti penerimaan jurubank secara Islam (*Islamic Bankers Acceptances*), Bon Mudharabah Cagamas, Bil Penerimaan Secara Islam dan sekuriti hutang secara Islam.

ii- Pelaburan Antara Bank Secara Islam

Pelaburan antara bank secara Islam merujuk kepada satu mekanisme di mana sebuah bank yang mempunyai lebihan wang boleh melabur dengan bank yang mengalami defisit di atas dasar

⁶⁷Ia dianggap sebagai pasaran wang antara bank secara Islam yang terawal seumpamanya di dunia. Sila lihat BNM (1994), *Money and Banking in Malaysia*. Kuala Lumpur: BNM, h. 336; Afifuddin Hj. Omar (1994), "Pelaksanaan Perbankan Islam di Malaysia : Pendekatan Kerajaan", dalam seminar *Islamic Investment : An Exploratory Action Research*, Glenmarie Golf Country Club, Subang, pada 2-3 Ogos 1994 anjuran Diversified Reserch Sdn. Bhd., h.9; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h.285

⁶⁸BNM (1993), *Guidelines On The Islamic Interbank Money Market*. Kuala Lumpur: BNM, h.2, Lihat juga Ministry of Finance, Economic Report 1994/95, *op.cit.*, h. 63; Nor Mohamed Yakcop (1996), *op.cit.*, h.57-65; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*

al-Mudarabah. Ciri-ciri mekanisme ini adalah seperti di Lampiran 3.

iii- Sistem Penjelasan Cek Antara Bank Secara Islam

Satu sistem penjelasan cek yang baru telah diwujudkan di BNM untuk BIMB dan bank-bank perdagangan yang menawarkan SPTF. Cek-cek SPTF bagi institusi tersebut telah diasingkan dari sistem penjelasan cek konvensional mulai 3 Julai 1994 bagi tujuan penjelasan cek.

Sistem penjelasan cek antara bank secara Islam juga berlandaskan konsep *al-Mudārabah*. Pada setiap 12.00 tengah malam, apabila penjelasan cek dilakukan secara automatik di Bank Negara, manapun bank perdagangan SPTF (termasuk BIMB) yang mengalami defisit akan diseimbangkan oleh bank-bank perdagangan SPTF yang mempunyai lebihan berdasarkan konsep *al-Mudārabah*.

Sekiranya masih berlaku defisit, Bank Negara akan menyeimbangkan kedudukan bank-bank ini atas konsep yang sama iaitu *al-Mudārabah*. Nisbah keuntungan dalam mekanisme ini ialah 70:30 (70% untuk pelabur). Bank-bank defisit akan menyeimbangkan kedudukan mereka pada keesokan harinya. Mekanisme sistem penjelasan cek secara Islam ini adalah sebagaimana di Lampiran 4.

b) Penubuhan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (MPSK)

BNM telah menubuhkan MPSK pada 1 Mac 1997 sebagai sebuah lembaga Syariah terulung dalam perbankan Islam dan Takaful di negara ini. MPSK mempunyai bilangan ahli maksimum seramai 11 orang yang dilantik oleh Lembaga Pengarah BNM untuk berkhidmat bagi tempoh 2 tahun. Antara tujuan utama penubuhan MPSK adalah seperti berikut:⁶⁹

- i- Bertindak sebagai satu badan berwibawa yang tunggal untuk menasihati BNM mengenai perbankan Islam;
- ii- Menyelaras isu-isu Syariah mengenai perbankan Islam dan kewangan; dan
- iii- Menganalisa dan menilai aspek-aspek Syariah bagi produk-produk atau skim baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan.

c) Garis Panduan bagi Penyata Kewangan Contoh bagi Industri Perbankan (GP 8)

Pada bulan Oktober 1996, BNM telah mengeluarkan Penyata Kewangan Contoh dikenali sebagai GP 8 yang merupakan standard minimum bagi pendedahan operasi Perbankan Islam. Di bawah GP 8, pendedahan operasi perbankan Islam dinyatakan dalam satu seksyen khas iaitu Nota Kepada Akaun dalam penyata kewangan induk yang

⁶⁹Ministry of Finance, Economic Report 1997/98, *op.cit.*, h.175; BNM (1999), *op.cit.*, h.282; <http://www.bnm.gov.my/Islamic Banking>NSAC>, 30 Julai 2001.

menunjukkan kunci kira-kira dan akaun untung rugi bagi proses perbankan Islam.⁷⁰

d) Membenarkan Institusi Kewangan Menubuhkan Cawangan SPI

BNM membenarkan mana-mana bank konvensional untuk menubuhkan cawangan perbankan Islam kepada para pelanggannya. Perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan mestilah apa yang dibenarkan oleh Syariah Islam sahaja. Langkah ini diharapkan dapat mempertingkatkan lagi kualiti dan mutu perkhidmatan perbankan.

1.3.1.4 Peringkat mutakhir

a) Prestasi sektor perbankan Islam

Sektor perbankan Islam mencatatkan prestasi yang kukuh sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin pesat. Bahagian pasaran perbankan Islam berbanding sistem perbankan dari segi aset meningkat daripada 5.5% pada tahun 1999 kepada 6.9% pada tahun 2000, manakala deposit dan pembiayaan perbankan Islam masing-masing mencatatkan bahagian pasaran sebanyak 7.4% dan 5.3%.

b) Peserta yang menawarkan SPI

Pada akhir Disember 2000, terdapat 49 peserta dalam sistem perbankan Islam, terdiri daripada dua bank Islam dan 47 institusi perbankan konvensional yang menyertai Skim Perbankan Islam (institusi perbankan

⁷⁰BNM (1999), *op.cit.*, h.280.

SPI). Institusi Perbankan Islam SPI terdiri daripada 21 bank perdagangan, 14 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun. Apabila proses penggabungan institusi-institusi perbankan dalam negeri disempurnakan kelak, bilangan peserta dijangkakan akan berkurangan kepada 35, terdiri daripada dua bank Islam dan 33 institusi perbankan SPI (13 bank perdagangan, 8 syarikat kewangan, 5 syarikat saudagar dan 7 syarikat diskaun).⁷¹

c) Pelancaran pelan induk sektor kewangan

Pada tahun 2000 dan awal tahun 2001, BNM telah mengambil langkah-langkah bersepada untuk memastikan perbankan Islam bukan sahaja dapat memainkan peranan yang lebih penting di dalam pembangunan sistem kewangan Malaysia, malahan pembangunannya akan memastikan keperluan pelanggan di Malaysia dan di rantau ini di penuhi. Satu pencapaian besar dalam hala tuju perkembangan perbankan Islam untuk masa hadapan ialah pelancaran pelan induk sektor kewangan pada bulan Mac 2001, yang turut memaparkan pelan induk 10 tahun perbankan Islam dan takaful.⁷²

Objektif keseluruhan pelan induk perbankan Islam dan takaful adalah untuk mewujudkan satu sistem kewangan Islam yang cekap, progresif dan lengkap, selain daripada mempromosi Malaysia sebagai pusat perbankan dan kewangan Islam di rantau ini. Sehubungan itu, langkah-langkah akan

⁷¹BNM (2000), *Laporan Tahunan 2000*, h.165.

⁷²BNM(2000), *ibid*.

ditumpukan untuk membina keupayaan institusi perbankan Islam (terdiri daripada bank-bank Islam dan institusi perbankan SPI) agar dapat bersaing secara berkesan untuk menguasai sekurang-kurangnya 20% daripada bahagian pasaran perbankan menjelang tahun 2010.

d) **Penubuhan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful**

Selain daripada itu, langkah-langkah khusus yang diambil untuk membangunkan infrastruktur kewangan dan rangka kerja Syariah dan perundungan yang berkesan akan meletakkan Malaysia dalam kedudukan terbaik untuk menerajui perbankan dan kewangan Islam di rantau Asia Timur. Sebuah jabatan khusus, iaitu Jabatan Perbankan Islam dan Takaful telah ditubuhkan di BNM dan jabatan ini dipertanggungjawabkan untuk merumus strategi-strategi dan dasar-dasar perbankan Islam selain daripada mengawalselia aktiviti-aktiviti perbankan Islam. Jabatan berkenaan juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan saranan-saranan yang terkandung dalam pelan induk perbankan Islam dan takaful.⁷³

Sepanjang tahun 2000, usaha berterusan telah dilaksanakan bagi menyokong perkembangan sistem perbankan Islam. Antara usaha dan kajian semula yang telah dilaksanakan pada tahun 2000 adalah seperti berikut:⁷⁴

⁷³BNM(2000), *ibid.*

⁷⁴BNM(2000), *ibid.*, h.169.

- (i) Institusi perbankan Islam dibenarkan untuk menawarkan produk pembiayaan kadar terapung secara Islam tertakluk kepada kelulusan BNM. Langkah ini diharapkan akan mengurangkan risiko ketakpadanan aset dan liabiliti institusi perbankan Islam secara lebih cekap serta meransang inovasi produk dalam industri ini;
- (ii) Pindaan telah dibuat ke atas Garis Panduan Instrumen Boleh Niaga Secara Islam (INI) dari segi penetapan harga, spesifikasi penerbitan, struktur kematangan dan amalan pasaran yang seragam. Pindaan-pindaan ini akan memberi fleksibiliti kepada institusi perbankan Islam dalam menstruktur INI dengan lebih berkesan bagi memenuhi keperluan pembiayaan mereka dan keperluan pelanggan yang semakin berbeza. Ia juga akan meningkatkan bekalan instrumen kewangan Islam berjangka panjang dalam pasaran wang secara Islam dan menanam keyakinan di kalangan peserta menerusi amalan pasaran yang seragam; dan
- (iii) Bank-bank perdagangan SPI dibenarkan untuk menawarkan kemudahan pajakan Islam di bawah konsep *al-Ijārah Thumma al-Bay'*, tertakluk kepada syarat bahawa kemudahan pajakan Islam tersebut adalah untuk pembiayaan peralatan industri dan mesin berat yang bernilai lebih daripada RM 200,000.

e) Sasaran 5 %

BNM telah menetapkan sasaran bahawa institusi perbankan SPI dikedahdaki menguasai sekurang-kurangnya lima peratus perniagaan perbankan Islam dari segi aset, deposit dan pembiayaan berbanding perniagaan institusi perbankan berkenaan menjelang akhir tahun 2000. Pada akhir Disember 2000, lima bank perdagangan, enam syarikat kewangan dan dua bank saudagar telah berjaya mencapai sasaran bagi ketiga-tiga komponen yang ditetapkan.⁷⁵

f) Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan

Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Majlis) telah mengadakan lima mesyuarat sepanjang tahun 2000. Berikut pelantikan seorang lagi ahli Majlis pada bulan Oktober 2000, bilangan ahli Majlis telah bertambah kepada tujuh orang. Pada tahun 2000, Majlis telah membincangkan lebih daripada 20 isu Syariah berhubung dengan operasi perbankan Islam dan takaful. Di antara keputusan-keputusan yang dicapai dalam beberapa isu penting, adalah seperti berikut:⁷⁶

- (i) Institusi perbankan Islam dibenarkan memasukkan klausa *ibrā* (rebet) di dalam perjanjian pembiayaan sekiranya klausa tersebut tidak dianggap sebagai syarat kepada urusniaga berkenaan. Isu *gharār* (ketidakpastian) dalam

⁷⁵BNM(2000), *ibid.*

⁷⁶BNM(2000), *ibid.*, h.169-170.

- urusniaga tidak timbul sekiranya klausa tersebut di dokumentan dengan jelas dan terperinci dalam perjanjian ;
- (ii) Institusi perbankan Islam tidak dibenarkan untuk mengenakan *fī iltizām* (komitmen) bagi kemudahan seperti overdraf dan kredit pusingan secara Islam kerana ia menyalahi prinsip jual beli; dan
 - (iii) Bank-bank penerbit dibenarkan membeli balik sijil hutang boleh niaga secara Islam (NIDC) terbitan mereka sebelum tarikh matang. Harga pembelian balik NIDC boleh ditentukan berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak.

1.3.2 Institusi Perbankan Yang Menawarkan Perbankan Islam

Secara umumnya sistem kewangan di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :⁷⁷

- a) Sistem perbankan
- b) Sistem perantaraan kewangan bukan perbankan.

Sistem perbankan pula boleh dibahagikan kepada dua iaitu :

- i) Institusi monetari
- ii) Institusi bukan monetari.

⁷⁷Othman Yong (1993), *op.cit.*, h.139.


Di sini penulis ingin menfokuskan hanya kepada sistem perbankan yang menjadi skop kajian. Institusi monetari terdiri daripada institusi monetari yang prinsipal liabilitinya pada amnya boleh diterima sebagai wang. Di Malaysia institusi monetari terdiri daripada Bank Negara Malaysia yang menjadi pengeluar tunggal matawang di negara ini dan bank-bank perdagangan yang dibenarkan membuka akaun semasa untuk pengeluaran cek. Institusi monetari ini termasuklah Bank Negara itu sendiri serta bank-bank perdagangan.

Institusi bukan monetari pula ialah institusi monetari yang prinsipal liabilitinya diterima secara am sebagai *hampir wang*. Institusi bukan monetari ini termasuklah:

- a) Syarikat kewangan
- b) Bank saudagar
- c) Rumah diskaun
- d) Perbadanan Jaminan Kredit (*Credit Guarantee Corporation*) yang ditubuhkan bersama oleh Bank Negara Malaysia dan bank-bank perdagangan untuk memberikan jaminan pinjaman bagi pinjaman yang diberi kepada para peniaga kecil oleh bank-bank perdagangan.

Semua institusi di bawah sistem perbankan dikawal dan diawasi oleh Bank Negara Malaysia. (lihat Rajah 1.1).

Rajah 1.1 : Sistem Perbankan



Sumber : Othman Yong (1993), *Pasaran dan Institusi Kewangan di Malaysia: Teori dan Amalan*, Kuala Lumpur: DBP.

Antara institusi perbankan yang menawarkan perbankan Islam adalah terdiri daripada bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar dan juga rumah diskaun.

a) Bank perdagangan

Bank perdagangan merupakan suatu perniagaan yang meminjam wang daripada orang ramai dalam bentuk deposit atau simpanan dan menggunakan kumpulan tersebut untuk diberikan sebagai pinjaman dan untuk membeli sekuriti. Barang keluaran bagi bank-bank ialah wang. Bank menjual wang dengan harga yang melebihi kos untuk mendapatkan keuntungan.⁷⁸

⁷⁸Othman Yong (1993), *ibid.*, h.247.

Sebelum tertubuhnya BNM pada tahun 1959, bank perdagangan di negara ini tertakluk kepada Ordinan Syarikat 1948. Selepas itu barulah diletakkan di bawah Ordinan Bank Pusat Malaysia 1958 dan Akta Bank 1973.

Fungsi bank perdagangan yang disebutkan dalam Akta Bank 1973 adalah seperti berikut:

- i. Menggerakkan simpanan melalui akaun simpanan, semasa dan akaun deposit dan melalui instrumen lain.
- ii. Memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk membuat bayaran dan menerima wang.
- iii. Memberikan pinjaman dan pendahuluan kepada perusahaan perdagangan dan orang perseorangan sebagai modal kerja, pelaburan dan untuk tujuan penggunaan.
- iv. Membayai pihak kerajaan melalui pembelian sekuriti dan bil perbendaharaan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan.
- v. Menyediakan berbagai-bagi kemudahan bank dan perkhidmatan bank kepada pelanggan.

b) Syarikat kewangan

Syarikat kewangan adalah merupakan kumpulan institusi pengumpul simpanan yang kedua terbesar. Perkembangan penubuhannya bermula pada awal tahun 1960-an di mana salah sebuah anak syarikat Malayan Banking Berhad iaitu Mayban Finance Berhad adalah yang mula-mula sekali beroperasi. Operasi syarikat kewangan ini dikawal oleh Akta Syarikat Kewangan 1969.

Kewujudannya adalah sebagai melengkapkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank perdagangan.⁷⁹

c) Bank saudagar

Bank saudagar yang mula diperkenalkan pada awal tahun 1970-an adalah untuk melengkapkan -dan menambahkan kegiatan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang sedia ada, terutamanya untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat terhadap perkhidmatan khusus berkaitan dengan pembiayaan korporat, perkhidmatan nasihat pelaburan dan pengurusan kewangan serta pengurusan portfolio pelaburan.⁸⁰

Kesemua bank saudagar ditubuhkan sebagai syarikat awam di bawah Akta Syarikat 1965. Sebelum tahun 1979, kegiatan bank-bank saudagar tidak dikawal oleh mana-mana perundangan tertentu kecuali garis panduan urusan yang ditentukan oleh BNM, dengan persetujuan Menteri Kewangan. Berkuat kuasa dari 1 Januari 1979 bank-bank saudagar diletakkan di bawah Akta Bank 1973.⁸¹

Aktiviti bank saudagar boleh dibahagikan kepada beberapa jenis seperti yang berikut:

- (a) Perkhidmatan bank
- (b) Taja jamin pengeluaran saham baru

⁷⁹Othman Yong (1993), *ibid.*, h.143-144.

⁸⁰Othaman Yong (1993), *ibid.*, h.264.

⁸¹Othman Yong (1993), *ibid.*, h.267.

- (c) Khidmat nasihat korporat
- (d) Pengurusan kumpulan wang portfolio
- (e) Perkhidmatan lain, seperti pengurusan pinjaman bersindiket, menjalankan kajian kemungkinan/penilaian dan pendiskaunan blok bagi pajakan atau sewa beli atau bil-bil pertukaran.⁸²

d) Rumah diskau

Rumah atau syarikat diskau adalah satu badan perniagaan yang diwujudkan di bawah Akta Bank Negara bagi melengkapi atau mempercekapkan lagi sistem pasaran wang di Malaysia. Tujuan penuhuan syarikat diskau adalah untuk mengaktifkan lagi pasaran wang peringkat kedua terutamanya sijil sekuriti kerajaan dan instrumen kewangan bukan kerajaan.

Rumah diskau wujud untuk menjalankan pasaran wang antara bank dan ia mendapat kemudahan pendiskaunan semula sijil sekuriti kerajaan yang dikeluarkan oleh BNM.⁸³ Operasinya mengkhusus dalam pasaran wang jangka pendek yang mana ia mengutip wang terutama daripada pengantara kewangan yang lain dan firma-firma besar yang mempunyai lebihan wang dalam bentuk simpanan jangka pendek. Dengan cara ini syarikat tersebut telah menyediakan satu cara untuk menyelaraskan kedudukan kecairan sistem kewangan dengan cepat.⁸⁴

⁸²Lihat keterangan lanjut didalam Othman Yong (1993), *ibid.*, h.264-267.

⁸³Othman Yong (1993), *ibid.*, h.270.

⁸⁴Othman Yong (1993), *ibid.*, h.145.

Sehingga penghujung tahun 1995 terdapat 43 buah institusi kewangan yang menyertai SPI dan jumlah cawangan yang menawarkan kemudahan ialah 1472 iaitu 1406 cawangan institusi SPI dan 66 cawangan Bank Islam Malaysia Berhad. Walaubagaimanapun, sehingga penghujung bulan Mac 2001 iaitu selepas penggabungan bank, terdapat 36 buah institusi kewangan konvensional yang menyertai SPI. Ini tidak termasuk dengan dua buah bank Islam iaitu BIMB dan Bank Muamalat. Institusi-institusi kewangan tersebut adalah seperti di dalam senarai Lampiran 5.⁸⁵

1.4 Kesimpulan

Gelombang arus kebangkitan Islam sejak awal dekad 1970-an mewujudkan kesedaran kepada masyarakat Islam untuk kembali menghayati Islam secara keseluruhan. Penghayatan Islam secara lengkap ini turut merangkumi bidang ekonomi, sosial dan politik. Dalam bidang perbankan tanahair, dekad 1980-an menyaksikan perbankan Islam telah menjelma sebagai satu realiti baru dalam arena kewangan antarabangsa.

Pendekatan yang dipilih untuk melaksanakan sistem kewangan Islam di Malaysia ialah untuk merangka satu objektif yang jelas yang boleh dicapai dan berusaha ke arah mencapai objektif tersebut secara berperingkat-peringkat dan beransur-ansur, demi mengelak daripada membuat kesilapan dan terpaksa berpatah balik ke belakang.

⁸⁵ [Http://www.bnmu.gov.my/Islamic Banking>List of Players](http://www.bnmu.gov.my/Islamic Banking>List of Players), 30 Julai 2001.

Pihak berkuasa berpendapat adalah tidak wajar untuk menggantikan keseluruhan sistem konvensional yang ada di Malaysia dengan sistem kewangan Islam keseluruhannya. Hasrat pihak berkuasa ialah untuk mewujudkan satu sistem kewangan Islam yang sempurna di Malaysia yang beroperasi seiring dengan sistem kewangan konvensional dan untuk menjadikan Malaysia negara pertama mengamalkan sistem perbankan dan kewangan "duaan" yang satunya secara konvensional dan satu lagi mengikut prinsip Islam yang mana kedua-duanya adalah sama-sama canggih dan moden.